

28 MAR 2000

Khalil-Pak Lah (Bergambar)

ANGGOTA UMNO PATUHI MT, HARGAI PAK LAH

TEMERLOH, 28 Mac (Bernama) -- Kemenangan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tanpa bertanding sebagai Timbalan Presiden Umno membuktikan anggota Umno di semua peringkat menghargai sumbangan beliau menjalankan tugas-tugas timbalan presiden parti selama ini.

Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob berkata pemilihan itu bukan sahaja menunjukkan anggota Umno berganding bahu mematuhi nasihat Majlis Tertinggi supaya dua jawatan tertinggi parti tidak ditandingi tetapi juga menunjukkan mereka melihat Abdullah sebagai berhak memegang jawatan itu.

"Bagi saya pemilihan itu menunjukkan ahli-ahli kita melihat Pak Lah sebagai berhak memegang jawatan itu setelah sekian lama beliau menjalankan tugas-tugas timbalan presiden dari (pilihan raya) Sabah hingga kini ke (pilihan raya kecil) Sanggang," katanya kepada pemberita di Kampung Badok, dekat sini, hari ini.

Abdullah turut berkempen secara aktif bagi memastikan kemenangan calon Barisan Nasional Redzwan Harun, 49, pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Pahang kawasan Sanggang yang akan menyaksikan calon BN ditentang calon Pas pada 1 April ini.

Khalil, yang juga Setiausaha Agung Umno, berkata anggota parti menilai semua sumbangan naib presiden Umno itu dan menghargainya tanpa perlu Abdullah berkempen atau mempunyai sebarang motif lain dalam menjalankan tugas timbalan presiden parti.

"Pak Lah merupakan tokoh yang juga telah membuktikan bahawa beliau boleh menjalankan tugas itu (timbalan presiden Umno) dengan baik," katanya.

Abdullah menang secara tidak rasmi bagi jawatan timbalan presiden Umno apabila beliau memperolehi genap 133 pencalonan daripada 165 bahagian Umno di seluruh negara setakat ini iaitu jumlah minimum bagi beliau untuk menang tanpa bertanding bagi jawatan itu.

Abdullah menjalankan tugas-tugas timbalan presiden Umno bagi mengisi kekosongan setelah Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat dari parti dan kerajaan pada September 1998.

Khalil berkata kemenangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai presiden tanpa bertanding juga membuktikan anggota Umno mendengar nasihat Majlis Tertinggi dan menghargai sumbangan besar beliau terhadap parti dan negara.

"Saya turut gembira dengan pemilihan yang dibuat oleh ahli-ahli kita," katanya.

-- BERNAMA

MNY AKD